

14/02/2001

Bangsa Melayu wajar tolak kuda tunggangan Soros

Khairuddin Mohd Zain

TIMBULNYA isu yang mengaitkan jutawan dan manipulator mata wang yang ingin memaparkan dirinya seorang filantropis (penderma yang murah hati) George Soros, dengan sebuah akhbar portal internet, MalaysiaKini menarik perhatian pelbagai pihak. Malaysiakini terkenal kerana kandungan beritanya begitu kritikal terhadap kerajaan. Siapa yang memantau laman web jelas mengetahui dan rencananya semedang mengkritik kerajaan dan kepemimpinan negara, seolah-olah tiada yang baik dan betul dilakukan kerajaan. Kerajaan dan Kabinet memang tidak mempunyai imuniti daripada kritikan, tetapi apakah tiada langsung usaha dan tindakan kerajaan yang betul pada pandangannya?

Bagaimanapun, kemunculan kaitan Soros dengan akhbar laman web ini jika benar sekalipun bukanlah sesuatu yang memeranjatkan. Agenda kuasa asing untuk memburukkan imej kerajaan tidak mengenal penat dan lelah. Keruntuhan kerajaan, ketidakstabilan politik dalam negara dan kejatuhan pasaran saham, semuanya dilihat dapat memberi ruang kepada kuasa asing untuk menguatkan pengaruh dan kuasanya di seluruh dunia.

'Yayasan Soros' yang mempunyai dana kewangan melebihi beberapa ekonomi negara membangun berupaya digunakan sebagai modal 'menjahanamkan' sistem pentadbiran negara yang tidak disukai. Kehadiran 'juak' dalam negara yang rela digunakan sebagai alat untuk merosakkan negara sendiri lebih dikesali. Idea Soros untuk mewujudkan 'masyarakat terbuka' yang adil dan saksama sewajarnya ditunjukkan terlebih dahulu kepada negara kuasa dunia yang sudah lama mencabul hak negara membangun dan miskin.

Soros selalu mengkritik sistem kapitalisme global, tetapi pada masa sama menggunakan sistem itu untuk mendapat keuntungan berganda yang tidak munasabah. Keuntungan itu pula digunakannya untuk memberikan biasiswa dan menaja mana-mana entiti yang sudi diperkudakan sebagai tapak untuk menjahanamkan negara dengan berselindung di sebalik idealisme 'masyarakat terbuka' atau open society.

Soros bercita-cita besar untuk mengetengahkan idea 'masyarakat terbuka globalnya' dengan menggunakan dana dari keuntungannya memanipulasi sistem dagangan kewangan antarabangsa untuk 'memperbetulkan' keadaan di 25 negara kecil dan sedang membangun. Walhal, dana yang sama akan lebih berkesan kepada Soros digunakan untuk 'menaja' pelobi di Kongres Amerika bagi tujuan merubah kerangka sistem kewangan dunia yang kini mudah dipergunakan dan berat sebelah. Soros jelas tidak serius dengan hasratnya yang sentiasa mengutuk sistem kapitalisme global, tetapi tidak pernah menggunakan pengaruh dan dananya untuk membetulkan keadaan ini.

Sebagai contoh, Soros dalam tulisannya yang bertajuk Toward a Global Open Society dalam akhbar The Atlantic Monthly (edisi Januari, 1998), dengan jelas menyatakan beberapa kelemahan utama sistem kapitalisme global. Faedahnya tidak dikongsi bersama. Soros mengkritik amalan pedagang mata wang yang sewenang-wenangnya membuat keuntungan dan kemudian lari ke negara lain. Ibarat pepatah Melayu, 'habis madu sepah dibuang', amalan pedagang mata wang ini dikritik keras oleh Soros dalam tulisannya. Pada beliau, amalan itu tidak akan memberikan keuntungan yang berpanjangan kepada negara sedang membangun.

Kelemahan kedua, menurut Soros, adalah hakikat ketidakstabilan sistem kewangan dunia. Beliau memahami masalah ini, tetapi tidak pernah memberikan sokongan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mencadangkan keperluan pengstruktur semula kerangka sistem

kewangan dunia. Sistem pasaran sebenarnya tidak sempurna, dan kebergantungan yang melampau kepada sistem pasaran adalah langkah silap.

Kelemahan ketiga ialah kemungkinan kewujudan monopoli dan oligopoli global. Ini akan lebih menyusahkan negara miskin dan membangun, sekali gus membenarkan syarikat asing yang sudah melakukan penyatuan modal besar-besaran dan kemahiran, untuk berkuasa dalam pasaran dunia. Konglomerat global yang mempunyai dana lebih besar daripada kebanyakan negara miskin mempunyai kuasa penuh menentukan harga dan arah aliran pasaran.

Kelemahan keempat ialah hakikat fungsi kerajaan yang semakin kabur. Teori ekonomi pasaran bebas atau laissez-faire tidak membenarkan campur tangan kerajaan, tetapi dalam keadaan sistem yang begitu kacau, kerajaan mesti campur tangan. Apa lagi untuk memastikan kedaulatan negara tidak tergendai kerana masalah ekonomi. Industri strategik dan penting terpaksa diselamatkan, dan kemudiannya dikritik sebagai langkah 'penyelamatan individu', sedangkan kerajaan lebih memikirkan nasib ribuan pekerja yang memperoleh pendapatan dalam industri terbabit.

Melihat kepada tulisan dan membandingkan dengan tindak tanduk beliau menjahanamkan asas ekonomi negara Asia Tenggara, Soros kelihatan seperti seorang manusia yang mempunyai konflik identiti. Idealisme intelektual dan amalan beliau tidak selari.

Masyarakat terbuka 'tajaan' Soros mempunyai idea yang jauh daripada sempurna dan masih boleh dipersoalkan. Berasaskan kepada tulisan Henri Begson (1932) dan Karl Popper (1945), Soros mula bercita-cita mewujudkan apa yang digelar 'masyarakat terbuka'. Masyarakat terbuka ala-Soros sangat mengambil kira aspek kebebasan dan keterbukaan. Hak asasi individu, kebebasan untuk berhimpun, kebebasan akhbar, kebebasan memberikan pendapat, dan apa jua yang dikatakan sebagai 'hak asasi' individu akan sentiasa diberikan perhatian. Hak golongan minoriti perlu dipertahankan.

Sekali imbas, semua yang dicita-citakan Soros sangat menarik dan menepati citarasa masyarakat dunia. Namun, 'air yang tenang, jangan disangka tiada buaya'. Sukar untuk menerima gagasan besar yang sungguh ideal daripada seseorang yang terlebih dahulu mencabul hak jutaan insan lain dalam krisis ekonomi lalu. Soros perlu terlebih dahulu melahirkan 'kenyataan pertanggungjawaban' beliau terhadap masyarakat Asia Tenggara, terutama atas peranan yang dimainkannya dalam krisis ekonomi pada 1997.

Bangsa Melayu jangan cepat percaya dengan gagasan kabur manusia seperti Soros. Apa lagi merelakan mereka menjadi 'kuda tunggangan' Soros bagi menjatuhkan kepemimpinan Melayu-Islam yang ada. Masyarakat terbuka Soros tidak akan bersetuju dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan kewujudan negara Islam. Individu bebas melakukan apa saja dalam masyarakat terbuka ala-Soros.

Oleh itu, apa yang sudah dilakukannya ke atas ekonomi 'Harimau Asia' ketika dekad pembangunan konsistennya memperlihatkan Soros tidak menerima apa yang dikatakan sebagai 'Nilai Asia'. Pembangunan ekonomi Asia adalah mengikut acuan sendiri. Asia tidak mungkin menjadi maju tanpa campur tangan kerajaan secara lebih pragmatik demi pembangunan negara.

Pencetus idea masyarakat terbuka dan entiti tajaannya tidak akan bersetuju dengan tindakan Malaysia dalam banyak hal. Kononnya sistem perundangan yang tidak bebas, kerajaan yang rasuah dan zalim, semuanya menjadi mantera yang selalu dicanangkan Soros. Hakikatnya, kerajaan hari ini adalah kerajaan yang dipilih oleh majoriti rakyat Malaysia, dan hakikat itu tidak boleh ditolak Soros.

Cubaan beliau memburukkan imej negara, ditambah dengan sikap sesetengah anak bangsa yang tidak segan silu memburukkan negara sendiri, sememangnya amat dikesali. Kerajaan sudah menunjukkan kesediaan untuk telus dan terbuka dalam urusannya. Langkah mewujudkan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) adalah komitmen dan manifestasi kesediaan kerajaan bagi

menyediakan ruang buat masyarakat berbicara mengenai pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan kerajaan.

Hak asasi perlu didasari dengan rasa tanggungjawab. Kebebasan yang melampau, hanya akan menjahanamkan kontrak sosial yang sudah sekian lama menjadi teras pembangunan bangsa dan negara. Keadaan negara jiran yang tidak pernah habis dengan pelbagai masalah wajar dijadikan iktibar. Keterbukaan begitukah yang kita cari? Memetik kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar: "Tanggungjawab adalah kriteria penting untuk kebebasan yang bermakna. Jangan kita buta pandangan dalam keasyikan kita mengikuti contoh orang lain, sehingga kita kehilangan apa yang kita ada."

Hubungan konstruktif masyarakat dengan kerajaan akan lebih terpelihara dengan kewujudan entiti seperti Suhakam yang akan menjadi mata, telinga dan mulut rakyat bagi memastikan kerajaan yang ada mengekalkan prinsip akauntabiliti kepada gerak kerja mereka.

Bangsa Melayu perlu berhati-hati dengan nilai baru yang kononnya universal, tetapi mempunyai kesan besar kepada kontrak sosial yang sudah lama terbina dalam negara bertuah ini. Apa lagi melihat rekod Soros yang terlalu buruk dalam sejarah negara.

Kalaupun MalaysiaKini tidak terbabit dengan usaha Soros, pasti ada entiti lain yang akan ditugaskan melakukan perkara sama. Pada masa sama, kerajaan tidak boleh terlalu tegas dengan entiti seperti ini kerana inilah kesan `langit terbuka' yang dikatakan sebelum ini. Barangkali ia harga yang perlu dibayar untuk menyertai aspirasi globalisasi yang digembar-gemburkan.

Apapun, rakyat Malaysia perlu berhati-hati dengan segala fakta dan rencana yang dikeluarkan melalui Internet. Usaha `menyaring' maklumat yang benar, sahih dan hak, memerlukan rasional dan sumber rujukan yang mempunyai kredibiliti.

(END)